

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/1993

April 1993

SBP311 - Perancangan Projek Pembangunan

Masa: (2 1/2 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi dua muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) daripada lima soalan-soalan berikut. Setiap soalan membawa markah yang sama. INGAT, tulisan KABUR dikenakan potongan markah.

1. "Pada asasnya CBA mendakwa sebagai satu cara membuat keputusan tentang apakah yang diutamakan masyarakat. Apabila terdapat hanya satu sahaja opsiyen yang boleh dipilih dari beberapa opsiyen, CBA seharusnya memandu pembuat keputusan memilih opsiyen yang paling diutamakan oleh masyarakat."

Bincangkan pernyataan tersebut.

(100 markah)

2. Tulis nota-nota pendek tentang konsep-konsep berikut:

- (a) Keutamaan, utiliti dan faedah
- (b) Harga bayangan
- (c) Kadar diskaun sosial
- (d) Luaran (externalities)

(100 markah)

...2/-

3. Apakah yang dimaksudkan dengan kadar pulangan dalam (IRR)? Bincangkan dengan jelas masalah-masalah/batasan-batasan dalam penggunaan IRR sebagai salah satu kaedah penilaian projek.

(100 markah)

4. Apakah yang anda faham dengan konsep projek-projek saling menyingkir (mutually exclusive projects)?

Penggunaan IRR dalam penilaian projek-projek dalam kategori tersebut menjadi lebih rumit kerana projek yang mempunyai IRR tertinggi tidak semestinya terbaik. Amati jadual di bawah.

Projek	Kos	Faedah Setahun	IRR %	NPV @ 8%
A	1	0.20	15	0.34
B	2	0.36	12	0.42
A-B	1	0.16	9	-

Beri alasan terhadap jalan penyelesaian bagi seseorang perancang dalam membuat pilihan salah satu dari projek tersebut.

(100 markah)

5. Tumpuan analisis CBA ialah terhadap kos dan faedah sosial. Kos dan faedah sosial seringkali berbeza daripada kos dan faedah kewangan (monetary costs and benefits) projek. Bincangkan dengan ringkas tetapi jelas sebab-sebab perbezaan atau perselisihan (discrepancies) tersebut.

(100 markah)